

Program 48 Jam Hackathon Data Terbuka Sektor Awam 2016 Bermula Hari Ini



Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Joseph Entulu Belaun beramah mesra dengan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Serting, Negeri Sembilan yang menyertai 48 Jam Hackathon Data Terbuka Sektor Awam 2016 bertemakan "Menyemarakkan Kuasa Data Terbuka Untuk Inovasi" anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Malaysia (MAMPU). Jabatan Perdana Menteri di Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia hari ini. Turut hadir Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Seri Zainal Rahim Seman (berdiri tiga, kanan). *Foto: Harry Salzman* CYBERJAYA, 25 Okt (Bernama) -- Program 48 Jam Hackathon Data Terbuka Sektor Awam 2016 iaitu pertandingan pembangunan aplikasi atau produk berasaskan data terbuka dalam kalangan penjawat awam, industri, universiti awam dan pelajar sekolah menengah, bermula hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Joseph Entulu Belaun ketika merasmikan pertandingan itu di sini, berkata program itu menyediakan ruang perkongsian ilmu ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan digital dalam perkhidmatan awam.

Menurutnya, persekitaran data terbuka membolehkan data sedia ada digunakan untuk analisis data yang lebih berkesan, serta menjadi wadah bagi mendapatkan maklum balas daripada orang awam secara interaktif dalam pelbagai media.

Entulu berkata hasil analisis penarafan global Open Data Barometer 2015 menunjukkan Malaysia kekurangan atau ketiadaan set data tentang jenayah, pendaftaran syarikat dan prestasi sektor kesihatan.

"Saya berharap program Hackathon ini dapat menghasilkan analisis data secara sistematik untuk kesinambungan pelaksanaan Data Terbuka dan Analisis Data Raya sektor awam di masa hadapan," katanya.

Seramai 132 orang yang mewakili sektor awam, industri, universiti awam dan sekolah menengah mengambil bahagian dalam Hackathon Data Terbuka 2016 anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) itu.

Entulu berkata sebanyak 1,336 set data terbuka telah tersedia dalam Portal Data Terbuka Sektor Awam dan berharap sasaran sebanyak 1,500 set Data Terbuka dapat dicapai sebelum akhir tahun ini.

Beliau berkata Jabatan Perangkaan Malaysia, Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar merupakan agensi pembekal utama set Data Terbuka.

--BERNAMA